

Johor, Singapura runding program pembenihan hujan

» *Inisiatif untuk tambah bekalan air terawat di Empangan Sungai Lebam*

Oleh **Zuraidah Mohamed**
zmohamed@bh.com.my

► **Johor Bahru**

Kerajaan Johor dijangka berunding dengan Singapura berhubung rancangan membuat pembenihan hujan berikutan penurunan bekalan air terawat dari Empangan Sungai Lebam di Kota Tinggi.

Perbincangan dilakukan kerana Singapura sebelum ini menyifatkan aktiviti pembenihan hujan itu mencerooboh wilayah republik itu.

Pengerusi Jawatankuasa

Kerja Raya Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor, Datuk Hasni Mohammad, berkata rundingan dijangka dilakukan dalam tempoh terdekat dan perlu diketuai wakil Kerajaan Pusat kerana ia memabitkan urusan dua negara.

Tambah bekalan sumber air

Katanya, inisiatif melakukan pembenihan hujan adalah sebagai alternatif menambahkan bekalan sumber air ke empangan berkenaan sebelum Projek Air Rapid di Pengerang siap dan beroperasi pertengahan tahun depan.

“Apabila Projek Air Rapid siap kelak, ia mampu menampung sejumlah 520 juta liter air dalam sehari dan 30 juta liter daripadanya disalurkan ke Empangan Sungai Lebam,” katanya semalam.

Paras air di Empangan Sungai Lebam sebelum ini berada pada paras 9.87 meter berbanding paras kritikal 12.27 meter. Ia menyalurkan beka-



“

Rundingan dijangka dilakukan dalam tempoh terdekat dan perlu diketuai wakil Kerajaan Pusat kerana memabitkan urusan dua negara”

Hasni Mohammad,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor

lan air kepada lebih 160,000 pengguna di Pengerang, Bandar Penawar, Desaru dan Gugusan FELDA Air Tawar.

Sementara itu, Pengarah Badan Kawal Selia Air Johor (Bakaj), Abdul Rashid A Rahman, berkata air dari Sungai Johor akan dipam untuk mengisi kekurangan air di Empangan Layang di Pasir Gudang.

Guna air secara berhemat

“Setakat ini, bekalan air untuk Empangan Layang dan Empangan Sungai Lebam masih terkawal walaupun berada di bawah paras kritikal.

“Bagaimanapun, pengguna diingatkan mengamalkan penggunaan air secara berhemat,” katanya.

Paras air di Empangan Layang mencatatkan 19.72 meter berbanding paras kritikal 23.50 meter. Ia membekalkan air bersih kepada lebih 600,000 pengguna sekitar Pasir Gudang dan beberapa kawasan di Johor Bahru.